

sebelumnya menarik diri, kemudian menyaksikan rakan-rakannya memenangi pingat emas kedua di Taman Endurance Antarabangsa Terengganu (TIEP), Setiu menerusi kategori berpasukan yang berjalan serentak bermula pukul 3 pagi.

Kemenangan baginda dalam kategori individu lebih manis kerana mengatasi rekod Sukan SEA setelah menamatkan perlumbaan sejauh 80 kilometer itu dalam masa 3 jam, 48 minit dan 38 saat, jauh mengatasi rekod lama 6 jam, 26 minit dan 4 saat yang dilakukan Sulaiman Muda pada 2013 di Myanmar.

Kegembiraan kem negara diteruskan dengan kejayaan skuad bola jaring, yang melonjak populariti mereka secara tiba-tiba kepada kalangan peminat tempatan, dan mereka memenuhi harapan penyokong dengan memenangi pingat emas untuk kali pertama selepas 16 tahun setelah menang selesa ke atas musuh tradisi Singapura 65-41

dalam perlawanan akhir. "Saya sangat berbangga kerana mempunyai pemain-pemain yang hebat mewakili pasukan bola jaring Malaysia. Kesemua 12 pemain telah menunjukkan aksi terpuji dan melaksanakan tugas diberikan dengan cemerlang,"

kata jurulatih mereka Stacey Robinson dari Australia. Selepas kecewa di Stadium Juara, Bukit Kiara, Singapura sekali lagi terpaksa berpuas hati dengan pingat perak apabila skuad ragbi lelaki mereka tewas mudah kepada Malaysia 22-7 di Stadium Petaling Jaya yang dipenuhi penyokong.

Sementara itu gelanggang wusu menyaksikan tiga daripada lima pingat emas dimenangi oleh jaguh tuan rumah menerusi Yeap Wai Kin, Jack Chang Loh dan Diana Bong Siong.

Di Pusat Akuatik Nasional, Malaysia meraih emas keduanya dalam acara renang berirama menerusi Lee Yhing

FAKTA
Hampir
50%
pingat emas dimenangi Malaysia daripada 21 yang dipertandingkan semalam



KHAIRUL ANUAR MOHAMAD mengatasi rekod kebangsaan di peringkat kelayakan acara recurve individu tetapi kemudian hanya meraih perak setelah tewas kepada atlet Vietnam dalam pusingan akhir.

UTUSAN MALAYSIA 21/8/2017 p 40

Huey dan Gan Hua Wei dalam disiplin rutin bebas duet selepas mengumpul 76.3000 mata. Acara renang berirama berakhir hari ini, bermakna tiada peluang lagi untuk skuad negara mencapai sasaran empat pingat emas.

Satu lagi pingat emas negara diperoleh di gelanggang boling

apabila Muhamad Rafiq Ismail membuat 1,418 jatuhan pin untuk memenangi acara lelaki individu.

Sementara itu atlet memanah Khairul Anuar Mohamad memecahkan rekod kebangsaan recurve individu tetapi akhirnya sekadar berpuas hati dengan pingat

perak setelah tewas kepada wakil Vietnam.

Khairul Anuar mencipta rekod baharu itu setelah mengumpul 682 mata dalam peringkat kelayakan untuk memecahkan rekod sendiri 678 mata yang dilakukannya sewaktu menyertai Piala Dunia 2012 di Turki.